

## **MAHB diarah bantu siasatan**

---

PUTRAJAYA 15 Feb - Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) diarahkan memberikan kerjasama kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu siasatan kematian Kim Jong-nam iaitu abang kepada pemimpin utama Korea Utara, Kim Jong-un di KLIA2, kelmarin.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, kerjasama itu termasuk menyerahkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) kepada PDRM.

"Kejadian ini tidak mempunyai kaitan dengan tahap keselamatan lapangan terbang di negara ini. Orang ramai tidak perlu bimbang kerana saya beri jaminan bahawa keselamatan semua lapangan terbang termasuk KLIA2 berada pada tahap memuaskan. Berhubung kejadian itu, saya tidak mahu mengulas lebih lanjut dan kita menyerahkan kepada pihak polis untuk melakukan siasatan," katanya ketika ditemui di Kementerian Pengangkutan di sini hari ini.

---

**SUMBER : UTUSAN MALAYSIA | M/S: 6 | 16 FEBRUARI 2017**